

# PENERBANGAN IHSAN NO 1 SKN PU KUCHING



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4440-penerbangan-ihsan-no-1-skn-pu-kuching](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4440-penerbangan-ihsan-no-1-skn-pu-kuching)

KUCHING, 29 Jan 19 - TUDM menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat dengan melakukan penerbangan ihsan pagi tadi. Penerbangan ini membawa tiga orang pesakit Hospital Umum Kuching Sarawak daripada PU Kuching ke Lapangan Terbang Miri. Pesawat CN 235 daripada No 1 Skn tersebut telah diterbangkan oleh Kapt Mohamad Hafiz bin Shamsudin TUDM selaku juruterbang manakala Pembantu Juruterbang adalah Kapt Mohd Hafiz bin Abdullah serta krew Sjn U Izwan, Sjn U Azwan Affendi dan Sjn U Shafiq. Pesawat tersebut berlepas pada jam 0720 pagi dan tiba di Miri pada jam 0905 pagi.



